

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY  
(BACHOK)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY [ BACHOK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah SOP yang digunakan pakai oleh Kastam dalam mencegah penyeludupan beras. Apakah Kerajaan bersedia menyediakan satu tabung khas bagi membayar pampasan segera kepada orang awam yang terkorban akibat operasi penguatkuasaan agensi Kerajaan, seperti kejadian yang berlaku di Gelang Mas.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengeluarkan Perintah Tetap Penguatkuasaan (PTP) - Aktiviti dan Operasi

Penguatkuasaan sebagai garis panduan kepada semua pegawai penguatkuasaan JKDM dalam melaksanakan setiap aktiviti dan operasi penguatkuasaan sebelum, semasa dan selepas aktiviti operasi dilaksanakan. Kesemua perkara yang digariskan di dalam PTP perlu dipatuhi bagi menjalankan aktiviti dan operasi seperti rondaan darat, rondaan air, serbuan, sekatan jalan raya, pemeriksaan rapi, pemeriksaan kontena, penggeledahan kapal dan pesawat udara dan operasi khas.

- b. Berhubung pampasan kepada orang awam yang terkorban semasa mana-mana operasi pencegahan penyeludupan sedang berlangsung, tiada peruntukan yang disediakan bagi maksud tersebut. Kedudukan tersebut adalah sama dengan pelaksanaan di negara lain.